

**TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA  
ANUGERAH BAKTI DAN KEGEMILANGAN KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL  
KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)**

**TEMPAT:**  
**AYER KEROH D'VILLAGE RESORT  
MELAKA.**

**TARIKH :**  
**09 APRIL 2006**

**TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA ANUGERAH  
BAKTI DAN KEGEMILANGAN KUTKM PADA 09  
APRIL 2006, JAM 8.00 MALAM BERTEMPAT DI AYER  
KEROH D'VILLAGE RESORT, MELAKA**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS,

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,  
TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN  
PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN  
MOHAMAD DIAH, TIMBALAN REKTOR  
(PENYELIDIKAN & PENGKOMERSILAN/INOVASI)

Y.BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN  
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR  
DAN BARISAN EXCO MPP,

PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

*ASSALAMUALAIKUM WRB. WBKTH. DAN SALAM  
SEJAHTERA*

PERTAMANYA MARILAH KITA SAMA-SAMA  
MEMANJATKAN RASA KESYUKURAN KEPADA  
ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH INAYAHPNYA  
DAPAT KITA BERKUMPUL PADA MALAM INI DALAM  
MAJLIS ANUGERAH BAKTI DAN KEGEMILANGAN

PELAJAR KUTKM. SEMOGA MAJLIS INI MENDAPAT  
KEBERKATAN DAN KEREDHAAN DARI ALLAH JUA.

SAYA DAN SELURUH WARGA KUTKM  
MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN  
TERIMA KASIH KEPADA YBHG DATO' PROFESOR  
MOHD NOR BIN HUSAIN, DEKAN HAL EHWAL  
PELAJAR DAN BARISAN URUSETIA PROGRAM IAITU  
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI  
KERANA BERJAYA MENGADAKAN PROGRAM PADA  
MALAM INI.

MAJLIS YANG DIADAKAN INI AMATLAH *SIGNIFICANT*  
KEPADA PIHAK UNIVERSITI DALAM USAHA KITA  
UNTUK MEMBERI PENGIKTIRAFAN KEPADA  
MAHASISWA-MAHASISWI YANG TELAH  
MENYUMBANG BAKTI DAN MENGHARUMKAN NAMA  
UNIVERSITI DALAM PELBAGAI BIDANG.

PADA MALAM INI PENGANUGERAHAN YANG  
DIBERIKAN KEPADA MEREKA YANG CEMERLANG  
BUKAN BERMAKNA SESUATU KEJAYAAN ITU MESTI  
DIBERI GANJARAN, TETAPI IANYA LEBIH KEPADA  
PENGIKTIRAFAN. KALAU LAH SESUATU GANJARAN  
ITU MENJADI SATU UKURAN BAGI MENGIKTIRAF  
SESUATU KEJAYAAN, MAKA SAYA YAKIN TIDAK  
AKAN WUJUD KEIKHLASAN DALAM MENCAPAI  
KECEMERLANGAN APATAH LAGI UNTUK MENGEJAR  
KEGEMILANGAN.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA HARI INI SEBANYAK  
SEBELAS ANUGERAH AKAN DIBERIKAN.  
ANUGERAH-ANUGERAH YANG DIBERIKAN  
ANTARANYA IALAH ANUGERAH SUKAN,  
KEBUDAYAAN, KEPIMPINAN, KEMASYARAKATAN  
DAN DEBAT.

SETIAP SATU DARIPADA ANUGERAH YANG DICALONKAN TELAH DITETAPKAN KRITERIA-KRITERIANYA. MISALNYA DALAM ANUGERAH SUKAN TENTUNYA SYARAT YANG DIPERTIMBANGKAN IALAH KEJAGUHAN SESEORANG DALAM BIDANG KESUKUANAN SERTA KEJAYAAN YANG DICAPAI. BEGITU JUGA ANUGERAH DALAM BIDANG KEMASYARAKATAN TENTUNYA PENERIMA ANUGERAHNYA MERUPAKAN SEORANG YANG BANYAK MENYUMBANG BAKTI KEPADA KESEJAHTERAAN MASYARAKAT. BEGITULAH JUGA DENGAN ANUGERAH-ANUGERAH LAIN YANG TELAH DICALONKAN.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

INI BERMAKNA PENERIMA ANUGERAH BAKTI DAN KEGEMILANGAN PELAJAR PADA MALAM INI IALAH INDIVIDU YANG TERBAIK DI DALAM BIDANG YANG

DICALONKAN. TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA MEREKA YANG BERJAYA MENERIMA ANUGERAH TERSEBUT. TETAPI ADAKAH MAHASISWA-MAHASISWI LAIN YANG TIDAK BERJAYA MENERIMA ANUGERAH PADA MALAM INI MERUPAKAN MEREKA YANG TIDAK CEMERLANG, GEMILANG DAN TIDAK BERBAKTI KEPADA UNIVERSITI?

BAGI SAYA SEMUA PELAJAR YANG MENDAPAT TEMPAT MENERUSKAN PENGAJIAN DI KUTKM INI SAHAJA SUDAH DIIKTIRAF SEBAGAI SEORANG YANG CEMERLANG. HANYA MEREKA YANG MEMPUNYAI WAWASAN DAN TERBAIK SAHAJA LAYAK DITERIMA MASUK KE KUTKM. PIHAK UNIVERSITI TERPAKSA MENAPIS PULUHAN RIBU PERMOHONAN BAGI MELAYAKKAN SAUDARA-SAUDARI TERPILIH UNTUK MEMASUKI UNIVERSITI INI.



OLEH ITU SAUDARA-SAUDARI PERLU MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA DIRI SENDIRI TERLEBIH DAHULU KERANA TELAH TERPILIH BERADA DI INSTITUSI YANG MENJADI PILIHAN PELAJAR INI DAN TELAH TERLEBIH DAHULU BERBAKTI KEPADA DIRI SENDIRI SERTA KELUARGA. DI SEBALIK KEJAYAAN PENERIMA ANUGERAH PADA MALAM INI TENTUNYA ADA SUMBANGAN PARA MAHASISWA LAIN YANG TIDAK DAPAT DIUKUR SEPERTI DALAM BENTUK SOKONGAN MORAL.

BEGITU JUGA STAF YANG BERKHIDMAT DI KUTKM INI MERUPAKAN MEREKA YANG TERPILIH DARI KALANGAN YANG TERBAIK TIDAK KIRA SAMA ADA BELIAU IALAH DEKAN HEP, PEGAWAI SUKAN, PENOLONG PENDAFTAR, PENSYARAH, PENYELIA ASRAMA, PENGAWAL KESELAMATAN MAHUPUN PEMBANTU TADBIR YANG SENTIASA MEMBERI GALAKAN DAN DORONGAN. PIHAK UNIVERSITI

TELAH MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK KEPADA SEMUA MAHASISWA-MAHASISWI UNTUK MENCIPTA KEJAYAAN SEMASA DI SINI. KALAU TIDAK KERANA BANTUAN DARI MEREKA BELUM TENTU SAUDARA-SAUDARI DAPAT BERADA PADA TAHAP SEKARANG.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

PENGIKTIRAFAN YANG DIBERIKAN PADA MALAM INI IALAH SEBAGAI SATU INISIATIF KEPADA PARA MAHASISWA-MAHASISWI KUTKM UNTUK LEBIH BERMOTIVASI DAN MENJADIKANNYA DAYA PENGGALAK BAGI MENDORONG KECEMERLANGAN DAN KEGEMILANGAN MAHASISWA-MAHASISWI. IA PENTING SEBAGAI SATU USAHA BAGI MEMBOLEHKAN MAHASISWA - MAHASISWI BERSAING PADA SATU PENTAS YANG LEBIH BESAR DEMI MEMBAWA LEBIH BANYAK KEJAYAAN DAN KEGEMILANGAN KEPADA UNIVERSITI. DENGAN

CARA INILAH BAKTI YANG DICURAHKAN KEPADA UNIVERSITI DAN NEGARA DALAM APA BIDANG SEKALIPUN AKAN MENJADI CURAHAN BAKTI YANG SANGAT BERMAKNA DAN TERBAIK.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

KITA PERLU MENGUBAH MINDA DAN SIKAP UNTUK MELAKUKAN SESUATU PERKARA DENGAN TEKUN DAN BERSUNGGUH-SUNGGUH BAGI MENGEJAR KEGEMILANGAN SAMA ADA PADA PERINGKAT NEGARA MAHUPUN ANTARABANGSA.

PARA MAHASISWA-MAHASISWI PERLU MEMPUNYAI SIKAP DAN BUDAYA PRESTASI TINGGI (*EMBRACE A CULTURE OF HIGH PERFORMANCE*) DALAM SEMUA BIDANG. BUDAYA PRESTASI TINGGI INI PERLU DITUNJUKKAN DALAM PENCAPAIAN AKADEMIK, SUKAN, KEPIMPINAN DAN APA SAHAJA YANG

DICEBURI. DENGAN CARA INI KITA TIDAK SAHAJA AKAN BERADA PADA TAHAP KECEMERLANGAN TETAPI LEBIH DARI ITU, IAITU MENCIPTA KEGEMILANGAN DAN SETERUSNYA MENJADIKAN KUTKM SEBAGAI UNIVERSITI YANG TERBILANG DAN TERKEMUKA DI DUNIA.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

ILMU ADALAH PENYULUH KEPADA KEJAYAAN. ILMU ADALAH SATU ASET YANG AMAT PENTING DAN DIMULIAKAN OLEH ALLAH. BAKAT PULA ADALAH SATU PEMBERIAN ATAU ANUGERAH ALLAH KEPADA MANUSIA. TIDAK SEMUA MANUSIA MEMPUNYAI BAKAT YANG SAMA, TETAPI SAYA PERCAYA MANUSIA MEMPUNYAI BAKAT MASING-MASING YANG TELAH DIANUGERAHKAN OLEH ALLAH SWT.

BEGITU JUGA MAHASISWA-MAHASISWI KUTKM MEMPUNYAI BAKAT YANG TERSENDIRI. BAKAT INILAH YANG TELAH MENCORAKKAN KEJAYAAN UNIVERSITI DAN TELAH MEMBOLEHKAN MAHASISWA-MAHASISWI DIANGKAT MENERIMA ANUGERAH BAKTI DAN KEGEMILANGAN PADA MALAM INI. NAMUN BEGITU MEREKA YANG MENERIMA ANUGERAH PADA MALAM INI, SAYA PERCAYA TIDAK SAHAJA DIDORONG OLEH BAKAT YANG DIANUGERAH OLEH ALLAH TETAPI JUGA BERSANDARKAN KEPADA ILMU DAN KESUNGGUHAN SEPERTI YANG TELAH SAYA SEBUTKAN.

BEBERAPA HARI YANG LEPAS, PERTANDINGAN BAHAS INTER FAKULTI TELAH DIADAKAN OLEH PIHAK HAL EHWAL PELAJAR. SAYA MELIHAT BANYAK BAKAT BERPIDATO DI KALANGAN MAHASISWA-MAHASISWI KUTKM. SAYA AMAT KAGUM DENGAN KEBOLEHAN YANG DITUNJUKKAN

OLEH MAHASISWA-MAHASISWI KUTKM SEMASA BERDEBAT. KEBOLEHAN MEREKA BERDEBAT TIDAK SAHAJA BERSANDARKAN KEPADA KEBOLEHAN BERPIDATO SEMATA-MATA TETAPI JUGA DIPERKUKUHKAN DENGAN ILMU PENGETAHUAN UNTUK MENJADIKAN HUJAH MEREKA BERNAS.

APA YANG SAYA INGIN SAMPAIKAN IALAH SELAKU SEORANG MAHASISWA UNIVERSITI, PELUANG PEMBELAJARAN YANG DIHIDANGKAN DI UNIVERSITI SAMA ADA DALAM BENTUK FORMAL ATAUPUN TIDAK FORMAL SEPERTI AKTIVITI KOKURIKULUM PERLU DIMANFAATKAN SEBAIK MUNGKIN. IA PERLU DIJADIKAN BEKALAN UNTUK BERJAYA DI DALAM KEHIDUPAN DI KAMPUS MAHUPUN SETELAH BERGELAR GRADUAN. INILAH ANUGERAH YANG TIDAK DIPEROLEHI OLEH MEREKA YANG TIDAK BERGELAR MAHASISWA-MAHASISWI UNIVERSITI.



TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

SESEORANG MAHASISWA YANG CEMERLANG SELAIN DARI BERILMU DAN MEMPUNYAI KOMITMEN YANG TINGGI DALAM SESUATU PERKARA JUGA PERLU MEMPUNYAI SIFAT-SIFAT PERIBADI YANG MULIA. ETIKA MULIA SEPERTI AMANAH, JUJUR, TIDAK MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI DAN BANTU MEMBANTU PERLU DIHAYATI OLEH SEMUA MAHASISWA. APABILA KITA SALING BEKERJASAMA, MAKA KITA AKAN DAPAT MELAKUKAN SESUATU PERKARA DENGAN LEBIH BAIK. IA MEMERLUKAN PENGLIBATAN SEMUA PIHAK TIDAK SAHAJA PARA MAHASISWA TETAPI JUGA PARA PENTADBIR.

DENGAN CARA INI KITA AKAN DAPAT MELAHIRKAN PERASAAN BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBAWA KECEMERLANGAN UNIVERSITI SECARA KOLEKTIF. KEJAYAAN UNIVERSITI BUKANLAH SUATU KEJAYAAN SECARA PERIBADI. KEJAYAAN

YANG KITA RAIH PERLU DIKONGSI SECARA BERSAMA. KEJAYAAN YANG DIPEROLEHI OLEH MAHASISWA-MAHASISWI ADALAH MILIK SEMUA WARGA UNIVERSITI.

BEGITU JUGA KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH PENTADBIR UNIVERSITI MISALNYA MELALUI PERTANDINGAN REKACIPTA, PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) DAN SEBAGAINYA PERLU DIANGGAP SEBAGAI KEJAYAAN BERSAMA ANTARA MAHASISWA DAN PIHAK PENTADBIR. DENGAN CARA ITULAH KITA AKAN SENTIASA BERBANGGA UNTUK MENJADI WARGA UNIVERSITI YANG SENTIASA CEMERLANG SEPANJANG MASA. SIKAP *SENSE OF BELONGING* TERHADAP UNIVERSITI DAN SAYANG KEPADA UNIVERSITI YANG DIPUPUK AKAN MEMBAWA UNIVERSITI KE MERCU KEJAYAAN DAN KEGEMILANGAN.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI,



BERDASARKAN APA YANG TELAH SAYA PERKATAKAN, DAPATLAH KITA RUMUSKAN BAHAWA KEGEMILANGAN UNIVERSITI YANG DICAPAI OLEH MAHASISWA MERUPAKAN SATU BAKTI YANG SANGAT BERMAKNA. IA ADALAH TITIK PERMULAAN UNTUK MENYUMBANG BAKTI KE ARAH KEJAYAAN YANG LEBIH BESAR KEPADA UNIVERSITI. KEJAYAAN YANG TELAH DICAPAI OLEH MAHASISWA-MAHASISWI ADALAH KERANA KEAZAMAN, KETEKUNAN, ILMU DAN KERJASAMA SEMUA PIHAK.

SESUATU KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH UNIVERSITI PERLU DIANGGAP SEBAGAI KEJAYAAN BERSAMA. KITA PERLU BERASA BANGGA APABILA KITA DAPAT MENCAPAI SESUATU KEJAYAAN WALAUPUN KECIL KERANA DI SEBALIK KEJAYAAN ITU KITA TELAH MEYEMAI PERASAAN SALING MEMERLUKAN DAN SALING MEMBANTU.

AKHIR KATA SEKALI LAGI MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA PARA MAHASISWA-MAHASISWI YANG BERJAYA MENERIMA ANUGERAH PADA MALAM INI. SEKALI LAGI UCAPAN TERIMA KASIH DAN TAHNIAH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH MENJAYAKAN MAJLIS PADA MALAM INI. SAYA MEMOHON MAAF SEKIRANYA ADA KEKURANGAN PADA UCAPAN INI KERANA YANG BAIK ITU DARIPADA ALLAH DAN KEKURANGAN ITU KELEMAHAN SEORANG INSAN.

SEKIAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH,  
WASSALAMUALAIKUM W.B.T

TERIMA KASIH.